

28 JAN 2002  
Mahathir-Akujanji/I  
MENTERI JUGA PERLU TANDATANGANI AKUJANJI

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata menteri juga perlu menandatangani surat akujanji khidmat setia sebagaimana yang dilakukan oleh pegawai dan kakitangan awam.

Beliau berkata mereka sememangnya mesti berbuat demikian kerana semua orang lain dalam sektor awam membuat ikrar untuk berkhidmat kepada kerajaan dengan cara yang sewajarnya.

Dr Mahathir berkata beliau belum memberitahu Kabinet mengenai keputusan itu dan beliau akan meminta mereka menandatangani surat akujanji itu.

"Walaupun saya sudah mengumumkan keputusan ini kepada orang ramai dan belum memberitahu mengenainya kepada rakan-rakan saya dalam kabinet, saya akan mengambil tanggungjawab untuk meminta mereka menandatangani," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program Hari Pelanggan dan Hari Kualiti di kementerian itu di Jalan Duta di sini.

Beliau berkata tindakan menandatangani surat akujanji itu diwajibkan sebagai salah satu cara bagi meningkatkan lagi mutu pentadbiran kerajaan.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan ketika berucap merasmikan program itu berkata terdapat kekurangan dalam urusan menandatangani surat akujanji itu sekarang kerana hanya kakitangan daripada Ketua Setiausaha kementerian ke bawah hingga budak pejabat sahaja menandatangani sedangkan menteri tidak.

"Sudah sampai masanya saya rasa menteri pun menandatangani akujanji dan ikrar khidmat setia kepada negara. Dengan itu kita menjadi anggota kerajaan yang cukup komited kepada tugas dan negara," katanya.

Perdana Menteri yakin dengan cara itu mutu perkhidmatan awam akan terus meningkat serta dapat memuaskan sepenuhnya hati pelanggan, yang terdiri daripada rakyat termasuk diri sendiri.

"Kita semua pengeluar dan pengguna dalam bidang khidmat ini, fikirkanlah kalau orang lain tidak menjalankan kerja dengan sempurna apa akan jadi kepada kita.

"Ingatlah bila kita memberi perkhidmatan pula, tentulah orang lain tidak berpuas hati jika khidmat kita gagal," katanya.

Oleh yang demikian, katanya, cuma peningkatan mutu perkhidmatan secara menyeluruh dapat memberi kesan kepada semua pihak.

Dr Mahathir juga menegaskan pentingnya pegawai Kementerian Kewangan menjalankan tugas dengan penuh dedikasi lagi amanah dalam mengutip hasil bagi pendapatan negara.

"Kementerian ini penting kerana ia menentukan kerajaan mempunyai wang yang cukup untuk negara," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini ada negara di dunia ini yang tidak dapat membayar gaji kepada kakitangan kerajaan, kadang-kadang mungkin kerana ekonomi tidak baik tetapi ada juga yang disebabkan oleh sistem kutipan cukai yang tidak sistematik dan ada pula kakitangan yang terlibat dengan rasuah untuk menambah pendapatan.

"Alhamdulillah di Malaysia ini tidak berlaku tetapi di negara lain ada. Ini berlaku kerana kecuaian pegawai yang kutip cukai-cukai, sebab itu Kementerian Kewangan memainkan peranan yang amat penting," katanya.

Katanya pada masa ini Malaysia merupakan antara negara membangun termaju di dunia dan ia dapat dilihat daripada keupayaannya meneruskan pelbagai usaha untuk mencorakkan ekonomi, politik dan kehidupan sosial negara.

"Ini kerana pegawai-pegawai bertanggungjawab dan menjalankan tugas dengan cukup profesional dan tidak membenarkan fikiran atau perasaan lain mempengaruhi khidmat kita," katanya.

Perdana Menteri berharap kakitangan kementerian itu tidak hanya memandang kepada upah dalam menjalankan khidmat kerana ia tidak akan menjayakan tugas yang dilaksanakan oleh mereka.

Sebaliknya mereka perlu menumpukan perhatian kepada kepuasan hasil kerja dan sentiasa berusaha memperbaiki kelemahan dalam usaha yang dijalankan.

"Apabila kita memberi khidmat yang terbaik, kita akan berpuas hati walaupun gaji kita kurang baik, kerana ini adalah sebahagian daripada komitmen kita sebagai kakitangan kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

AFY AFY NMO